

**UTUSAN MALAYSIA**

## Tabung Haji kaji tangani isu penempatan Mina

9/9/2023 11:5:8

**PUTRAJAYA:** Lembaga Tabung Haji (TH) akan mengkaji pelbagai aspek dan menilai semua cadangan sebelum membuat keputusan dalam menyelesaikan isu ruang sempit dalam khemah di Mina.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Syed Hamadah Syed Othman berkata, pihaknya menyambut baik pandangan konstruktif yang diberikan pelbagai pihak berkepentingan dan ia akan diperhalusi dalam sesi *post mortem* setelah selesai musim haji pada tahun ini.

Menurut beliau, sekiranya cadangan itu melibatkan hukum-hukum ibadat haji, ia perlu dibincang menerusi Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji dan Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan. Isu ruang sempit dalam khemah di Mina mendapat perhatian Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang menzahirkan keprihatinan bapinda terhadap kebajikan jemaah Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Mohd. Na'im Mokhtar, dipetik sebagai berkata, beliau menerima teks pesanan secara peribadi daripada Seri Paduka yang mahu perkara itu diteliti dan ditangani. Beliau berbincang dengan pihak pengurusan tertinggi TH supaya Jawatankuasa Penasihat Ibadah Haji (TH-Jakim) memikirkan ijihad baharu dalam usaha mengatasi isu berkenaan. Timbalan Dekan Jaringan Fakulti Pengajian Islam UKM, Prof. Madya Datuk Dr. Mohd. Izhar Ariff Mohd. Kashim pula berkata, penyelesaian penyelesaian itu boleh dilakukan jika pihak TH dapat memikir jalan penyelesaian menerusi kaedah menambah baik penempatan sedia ada.